

# TIPS & KOMPOSISI MOBILGRAFI



Mobilgrafi ialah seni dan teknik merakam foto atau video menggunakan kamera telefon pintar. Buku ini menyajikan pelbagai tips, teknik, dan prinsip asas komposisi yang mudah diikuti, sesuai untuk pemula mahupun pengguna berpengalaman yang ingin memperhalusi hasil tangkapan mereka.

**SAFIZAH BINTI SUHAIMI  
KHAIRULNIZAM BIN MD HAIRUDDIN  
SHARIFAH HAMIDAH BINTI SYED HAMID**

# BIOGRAFI PENULIS



**SAFIZAH BINTI SUHAIMI**

PENSYARAH  
SIJIL MULTIMEDIA KREATIF PENGIKLANAN




**KHAIRULNIZAM BIN MD  
HAIRUDDIN**

PENSYARAH  
SIJIL MULTIMEDIA KREATIF PENGIKLANAN



**SHARIFAH HAMIDAH  
BINTI SYED HAMID**

PENSYARAH  
SIJIL TEKNOLOGI MAKLUMAT



# TIPS & KOMPOSISI MOBILGRAFI

# HAK CIPTA

Terbitan Pertama 2026

Hak Cipta Unit Pembelajaran Digital, Kolej Komuniti Paya Besar.

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada penerbitan ini untuk diterbitkan semula dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman, mekanik dan lainnya sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Unit Pembelajaran Digital, Kolej Komuniti Paya Besar terlebih dahulu.

Penulis :

Safizah binti Suhaimi

Khairulnizam bin Md Hairuddin

Sharifah Hamidah binti Syed Hamid

eISBN : eISBN 978-629-94331-5-6

Diterbitkan oleh:


Kolej Komuniti Paya Besar

Kementerian Pendidikan Tinggi

Batu 19, Jalan Maran

26300 Gambang


Pahang



# SINOPSIS

Mobilgrafi ialah seni dan teknik merakam foto atau video menggunakan kamera telefon pintar. Istilah ini berasal daripada gabungan perkataan \*"mobil"\* (telefon bimbit) dan \*"fotografi"\*.

Dengan kemajuan teknologi kamera pada telefon pintar, mobilgrafi telah menjadi satu bentuk fotografi yang semakin popular dan mudah diakses oleh semua golongan. Ia merangkumi pelbagai genre seperti potret, landskap, makro, dan fotografi jalanan. Selain bersifat praktikal, mobilgrafi juga menggalakkan kreativiti kerana membolehkan pengguna merakam detik spontan pada bila-bila masa dan di mana sahaja.



# ISI KANDUNGAN




## A *Tips Dalam Mobilgrafi*

Kenali Kamera Smartphone .....	<u>1</u>
Tetapan Resolusi .....	<u>2</u>
Lensa Kamera Bersih .....	<u>3</u>
Kedudukan Smartphone Stabil.....	<u>4</u>
Penggunaan "ZOOM" .....	<u>5</u>
Penggunaan "FLASH" .....	<u>6</u>
Penggunaan Garisan Grid .....	<u>7</u>

Klik pada nombor mukasurat untuk pergi terus ke halaman yang dikehendaki.

## B *Komposisi Dalam Fotografi*

<i>Rules of Third</i> .....	<u>8</u>
Garisan Mendatar ( <i>Horizontal Line</i> ) .....	<u>11</u>
Teknik Manipulasi Cahaya .....	<u>14</u>
Teknik <i>Bokeh</i> .....	<u>17</u>
Teknik " <i>Leading Line</i> " .....	<u>20</u>
Corak dan Tekstur .....	<u>23</u>
Teknik <i>Framing</i> .....	<u>26</u>
Teknik <i>Contre-Jour</i> ( <i>silloute</i> ) .....	<u>29</u>
Kontras Warna .....	<u>32</u>
<i>Golden Hour</i> .....	<u>35</u>
Teknik <i>Fishing</i> .....	<u>38</u>






# BAHAGIAN A

## *Tips Dalam Mobilgrafi*






## TIPS **1** KENALI KAMERA *SMARTPHONE*

- ✓ Kenalpasti jenis serta jenama dan periksa aplikasi yang digunakan oleh *smartphone* anda untuk merakam foto.
- ✓ Cuba setiap fungsi mod kamera *smartphone* yang ada seperti foto potrait, foto panorama, foto *standard* serta kamera video.
- ✓ Cuba anda rakam foto dalam keadaan seperti dalam sinaran matahari terik, dalam keadaan kurang cahaya, gambar objek bergerak dan sebagainya.
- ✓ Cara ini membolehkan anda mengenalpasti kebolehan dan kebatasan kamera *smartphone* anda.






## TIPS **2** TETAPAN RESOLUSI

- ✔ Periksa 'setting' kamera *smartphone* anda. Pastikan *setting* resolusi adalah pada peringkat yang maksimum.
- ✔ *Setting* kilang bagi kamera *smartphone* lazimnya pada skala tengah iaitu tidak terlalu tinggi dan juga tidak terlalu rendah bagi tujuan penjimatan ruang penyimpanan data dalam *smartphone* anda.
- ✔ Anda boleh menukar *setting* kepada resolusi yang maksima dan memindahkan foto dalam folder penyimpanan memori yang lain bagi mengatasi masalah penyimpanan galeri *smartphone*.






## TIPS LENSA KAMERA BERSIH

3

- ✓ Pastikan lap lensa kamera sebelum mengambil gambar kerana cap jari dan habuk boleh menjejaskan kualiti imej.
- ✓ Bersihkan lensa kamera anda sekerap yang mungkin dengan menggunakan kain khas.  
\* Kain yang digunakan untuk membersihkan cermin mata.
- ✓ Jika tiada kain khas anda boleh menggunakan baju anda. Jangan bimbang, *smartphone* direka untuk tahan lasak – tidak mudah calar.






## TIPS

# 4

### KEDUDUKAN *SMARTPHONE* STABIL

- ✓ Memegang *smartphone* menggunakan kedua-dua tangan ketika mengambil gambar untuk mengelakkan gegaran.
- ✓ *Smartphone* diletakkan pada permukaan yang stabil seperti meja.
- ✓ Lebih baik sekiranya menggunakan *tripod*.







## TIPS PENGUNAAN “ZOOM”

5

- ✓ Elakkan penggunaan *zoom in*. Penggunaan *zoom in*, gambar akan menjadi kabur, berbintik-bintik atau bersegi-segi.
- BAGAIMANA ?**
- ✓ Cuba dekatkan jarak anda dengan objek fokus anda.
- ✓ Jika adalah mustahil untuk mendekati objek foto anda, ambil gambar seperti biasa dan *crop*. Dengan cara ini kualiti gambar anda tidak terjejas.






## TIPS **6** PENGUNAAN “FLASH”

- ✔ Lazimnya *'flash'* akan membuatkan foto anda terlalu terang (berwarna putih), mengubah warna asal suasana yang anda ambil, menjadikan mata berwarna merah dan menghasilkan bayang-bayang yang keras.
- ✔ Kenalpasti pencahayaan semulajadi yang sedia ada.
- ✔ Pada waktu malam gunakan sumber cahaya dari sekitar anda seperti cahaya kenderaan yang lalu-lalang, lampu jalan, cahaya dari tingkap rumah dan sebagainya.
- ✔ Jika anda mahir mengubah setting seperti ISO dan *shutter speed* anda boleh menghasilkan foto yang menarik tanpa *flash*.





## TIPS

# AKTIFKAN GARISAN GRID

7

- ✔ Aktifkan garisan grid pada kamera untuk membantu anda menyusun komposisi dengan lebih baik.
- ✔ Periksa *setting* kamera *smartphone* anda. Bergantung pada jenis *smartphone* anda setting ini dipanggil '*Guidelines*', *Gridlines*, dan sebagainya.

### MENGAPA?

- ✔ Di dalam fotografi terdapat teknik komposisi dikenali '*Rule of Thirds*'. Konsep ini menjadikan gambar yang anda rakam seimbang dan juga menarik. Teknik ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam **BAHAGIAN B**



CABARAN  
INTELEK




7



**BAHAGIAN B**  
*Komposisi Dalam Mobilgrafi*






# KOMPOSISI


## *RULES OF THIRD*


# 1

- ✓ Membahagikan bingkai kepada 9 bahagian (3x3 grid).



- ✓ Perhatikan gambar diatas. Gambar ini menunjukkan garisan grid pada kamera anda. Terdapat 4 titik persilangan pada garisan grid ini. Titik persilangan ini di panggil titik fokus.
- ✓ Objek fokus hendaklah selari dengan garisan grid sepertiga.





### **PERHATIKAN**

Jika anda meletakkan objek fokus anda pada dua per tiga titik persilangan ini, foto yang di ambil lebih seimbang.






### PERHATIKAN

produk makanan sangat penting meletakkan subjek "Rules Of Third" kerana ia dapat mengimbangkan subjek.







## KOMPOSISI GARISAN MENDATAR (*HORIZONTAL LINE*)

2

- ✓ Jika anda merakam foto yang mempunyai garisan mendatar seperti laut, letakkan garisan tersebut pada salah satu daripada garisan mendatar dalam grid panduan kamera *smartphone* anda. Selarikan garisan mendatar pada garisan grid panduan.
- ✓ Kedudukan garisan mendatar tidak perlu berada di atas garis grid panduan. Cukup sekadar berada di sekitar kawasan garisan grid panduan .






## PERHATIKAN

Kedudukan mendatar laut pada grid panduan mendatar grid atas.





## PERHATIKAN

Kedudukan mendatar laut menghampiri grid panduan mendatar grid bawah.





## KOMPOSISI TEKNIK MANIPULASI CAHAYA

### 3

- ✓ Ambil perhatian kepada pencahayaan ketika merakamkan foto. Pencahayaan memberi kesan besar terhadap foto yang dirakam.

### **MENGAPA?**

- ✓ Pencahayaan dapat mengubah suasana dan mesej yang dibawa oleh foto tersebut.
- ✓ Menumpukan fokus pada objek utama dan menjadikan gambar lebih dramatik dan menarik. Lebihkan cahaya pada objek yang ingin anda fokus.





## **PERHATIKAN**


Penekanan cahaya alam diberikan kepada muka subjek.





## **PERHATIKAN**

Cahaya bayang menghasilkan kesan dramatik. Tidak semua foto yang hebat harus diambil dengan cahaya yang cukup.





## KOMPOSISI TEKNIK *BOKEH*

# 4

- ✔ Teknik ini membuatkan objek anda lebih menonjol dengan cara mengaburkan latar yang lain. Dalam erti kata lain menjadikan latar '*blur*'.
- ✔ Teknik ini amat berguna jika anda ingin merakam foto yang mempunyai latar yang tidak bersih.

### **BAGAIMANA?**

- ✔ Anda boleh menggunakan auto fokus kamera anda tetapi cara yang terbaik adalah menggunakan fokus manual.
- ✔ Dekatkan kamera *smartphone* anda pada objek utama, ubah fokus secara manual sehingga objek utama menjadi jelas dan latar menjadi kabur.





## **PERHATIKAN**

Latar sengaja di kaburkan bagi memberi fokus kepada subjek utama.





## **PERHATIKAN**

Latar lampu berwarna-warni dikaburkan memberi fokus pada subjek utama.






## KOMPOSISI **5** TEKNIK 'LEADING LINE'

- ✔ Garisan untuk mengarahkan mata menuju subjek utama. *Leading line* tidak semestinya garisan lurus. Ia boleh wujud dalam lingkaran.

### FUNGSI?


- ✔ Mengarahkan perhatian ke subjek utama.
- ✔ Membuat kedalaman dan dimensi (3D feel).





## **PERHATIKAN**


Foto ini memberi fokus mata kepada satu titik pergerakan. Garisan tersebut dipanggil *leading line*.






## **PERHATIKAN**

Dalam foto ini seolah wujud satu garisan melingkar yang memberi impak 3D kepada mata..





## KOMPOSISI CORAK DAN TEKSTUR

# 6

- ✓ Pengulangan corak berulang atau tekstur menarik seperti dinding bata, dedaunan, atau fabrik untuk memberi kesan visual yang kuat.
- ✓ Contoh corak berulang adalah seperti gelas yang disusun rapi, barisan pakaian seragam, dan sebagainya.





## **PERHATIKAN**

Susunan berulang subjek menghasilkan pengulangan menarik dalam foto.






## **PERHATIKAN**

Tekstur daun menghasilkan foto yang menarik.





## KOMPOSISI TEKNIK *FRAMING*

7


- ✔ *Frame* membantu mengalihkan fokus kepada objek utama dalam foto.
- ✔ Kenalpasti elemen semula jadi seperti pintu, tingkap, atau pokok untuk "memmingkai" subjek dan memberi fokus padanya.



Batuan sebagai *frame*



Dahan dedaunan sebagai *frame*





## **PERHATIKAN**

Dahan pokok dan persekitaran menjadi *framing* kepada papan tanda.






## **PERHATIKAN**

Rimbunan pokok sebagai *framing* kepada Menara Teruntum.





## KOMPOSISI TEKNIK *CONTRE-JOUR*

8

- ✔ Teknik "*Contre-Jour*" berasal dari bahasa Perancis yaitu melawan cahaya.
- ✔ Teknik ini bermaksud anda merakamkan subjek dari arah yang berlawanan dengan sumber cahaya utama contohnya matahari.
- ✔ Teknik ini akan menghasilkan kesan *silloute* pada fokus utama.





## PERHATIKAN

Punca cahaya berada berlawanan lensa dan menghasilkan efek *silloute* pada subjek.






## PERHATIKAN

Punca cahaya berada berlawanan lensa dan menghasilkan efek *silloute* pada subjek.






## KOMPOSISI KONTRAS

# 9

- ✓ Kontras adalah perbezaan ketara antara dua atau lebih . Ia akan menciptakan daya tarikan visual yang kuat kerana kecenderungan mata manusia tertarik pada berbeza.
- ✓ Kontras warna lazim menjadi pilihan kerana kontra warna yang tinggi mempunyai daya tarikan visual yang kuat.

### MAKSUDNYA ?

- ✓ Sekuntum bunga merah dalam rimbunan daun **LEBIH** menyerlah daripada sekuntum bunga dalam beratus bunga yang sama warna.





## **PERHATIKAN**


Kontra warna mampu menarik perhatian kepada fokus utama.






## **PERHATIKAN**


Kerusi warna cerah mencipta daya tarikan visual yang kuat berbanding kerusi besi. Kontras ini membuatkan imej kelihatan dinamik dan hidup.





## KOMPOSISI **10** GOLDEN HOUR

- ✓ *Golden hour* atau *magic hour* merujuk kepada waktu satu jam selepas matahari terbit dan satu jam sebelum matahari terbenam.
- ✓ Ketika waktu ini, kualiti cahaya matahari adalah yang terbaik. Suasana yang dicipta pada waktu ini membuatkan foto yang di ambil sangat menarik.






**PERHATIKAN**  
Keindahan *Golden Hour*  
(Matahari Terbit)





**PERHATIKAN**  
Keindahan *Golden Hour*  
(Matahari Terbenam)






## KOMPOSISI TEKNIK *FISHING*

11

- ✓ Teknik "*fishing*" adalah pendekatan di mana merancang lokasi atau komposisi menarik terlebih dahulu dan menunggu subjek yang tepat masuk ke dalam *frame*.
- ✓ Teknik ini tidak mengejar momen seperti biasa tetapi menunggu subjek datang ke dalam momen.
- ✓ Teknik ini di ibaratkan seperti memancing yang memerlukan kesabaran dan fokus, seterusnya bersedia "menangkap" subjek datang.





## **PERHATIKAN**

Menunggu subjek di celahan dinding bangunan.





## Tips Penting

Menunggu subjek di celahan gulungan tikar.



CABARAN INTELEK



TIPS & KOMPOSISI MOBILGRAFI

eISBN 978-629-94331-5-6



9 786299 143315 6

KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR  
(online)